



KEMENTERIAN KERJA RAYA
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

MAJLIS AKU JANJI ZERO POTHOLEs TAHUN 2020 DAN MAJLIS PENYERAHAN SIJIL KONTRAKTOR PENYIAP OLEH MENTERI KANAN KERJA RAYA

KUALA LUMPUR – Pada hari ini telah berlangsung Majlis Aku Janji Zeropothole dan Majlis Penyerahan Sijil Kontraktor Penyiap disempurnakan oleh YB Dato' Sri Haji Fadillah Bin Yusof, Menteri Kanan Kerja Raya di Bilik Tanjung, Kompleks Kerja Raya, Kementerian Kerja Raya (KKR).

Bagi Majlis Penyerahan Sijil Kontraktor Penyiap, seramai tiga puluh sembilan (39) orang daripada 285 kontraktor telah hadir ke majlis pada hari ini. Penyampaian sijil ini adalah siri ketiga, yang mana sebelum ini, majlis yang serupa telah diadakan pada 2 April 2019 (Selasa).

Sewaktu Pra Kelayakan Siri Ketiga Kontraktor Penyiap yang dibuka pada 17 Oktober 2019 telah menarik penyertaan 588 kontraktor. Kesemua kontraktor penyiap perlu melepasi tiga (3) peringkat saringan dan seterusnya dinilai berdasarkan kriteria-kriteria yang ditetapkan.

Hasil daripada peringkat saringan ini, 285 kontraktor penyiap telah berjaya diiktiraf sebagai kontraktor penyiap yang akan berpeluang untuk menyertai pelawaan perolehan secara tender terbuka bagi Projek-projek Sakit oleh semua Agensi Kerajaan.

Dalam masa yang sama turut berlangsung Majlis Aku Janji Zero Potholes Tahun 2020 yang berlangsung pada hari ini merupakan kesinambungan daripada program yang sama yang mula diperkenalkan pada tahun 2016

Program kali ini merupakan inisiatif Kementerian bersama Jabatan Kerja Raya dan enam (6) Syarikat Syarikat Konsesi bagi Jalan Persekutuan di Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak dan juga Labuan untuk memperkukuhkan komitmen KKR terhadap penyampaian perkhidmatan penyenggaraan jalan di negara kita. Selaras dengan salah satu Teras 2 Kementerian iaitu Penyenggaraan Infrastruktur Jalan yang cekap dan berkesan supaya dapat digunakan secara optimum.

Pengurusan asset tidak hanya melibatkan pihak Syarikat Konsesi sahaja tetapi Syarikat Utiliti juga tidak terkecuali dimana Syarikat Utiliti juga adalah penyumbang kepada kerosakan jalan dan jalan berlubang. Selain itu pihak stakeholders yang terdiri daripada agensi Kerajaan, Pihak Berkuasa Tempatan, NGO dan penggiat industri, malah sebagai rakyat dan pengguna jalan raya juga mempunyai peranan bersama dalam memantau keadaan jalanraya

Pihak Kementerian dan JKR juga merancang untuk mengadakan program yang sama dengan syarikat-syarikat utiliti dan Pihak Berkuasa Tempatan dalam menyampaikan mesej penting ini.

Dibawah program zero potholes, kerja-kerja penampalan jalan berlubang akan dilaksanakan dalam tempoh masa 24 jam (secara sementara) daripada penemuan ataupun aduan kerosakan dan dalam tempoh 3 hari bagi pembaikan kekal selari dengan Piagam Pelanggan Jabatan Kerja Raya dan kontrak penyenggaraan jalan persekutuan (FRM) pihak konsesi.

Bagi memastikan pelaksanaan dan pemantauan yang efisien, JKR telah membangunkan satu Sistem Aplikasi Pemantauan Potholes (ASaPP) bagi memantau Potholes secara atas talian melalui penggunaan aplikasi di telefon bimbit, tablet dan Komputer. Aplikasi ini boleh digunakan oleh pegawai-pegawai JKR dan juga syarikat Konsesi bagi tujuan pemantauan kewujudan Potholes pada jajaran-jajaran jalan persekutuan

Sistem pemantauan melalui applikasi ini dapat memperkemaskan sistem kerja pemantauan Potholes di jalan persekutuan agar kerja-kerja pembaikan kerosakan jalan dapat dilaksanakan dengan segera dan perancangan kerja penyenggaraan yang menyeluruh dan teratur dapat dibuat.

Pihak Kementerian dan agensi amat berharap agar Program Aku Janji Zero Potholes ini dapat memberikan impak yang positif dan sasaran Zero atau Sifar Potholes menjadi realiti. Ini adalah amat penting supaya kita semua dapat menggunakan infrastruktur jalan raya yang baik dan selesa.

KEMENTERIAN KERJA MALAYSIA

3 JULAI 2020

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

No. Tel. : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | Faks. : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my